



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2000**

---

**PERTUKARAN PELANTIKAN ANGGOTA DALAM SKIM PERKHIDMATAN PEMUNGUT JENTIK-  
JENTIK KE SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU KESIHATAN AWAM**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan supaya anggota dalam skim perkhidmatan Pemungut Jentik-jentik Gred U15, U14 ditukarlantik ke skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U14.

**LATAR BELAKANG**

2. Skim perkhidmatan Pemungut Jentik-jentik telah dijumpukan semasa pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB). Sehubungan itu kerajaan telah bersetuju supaya anggota yang terlibat ditukarlantik ke skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam untuk menyediakan peluang kemajuan kerjaya.

**PELAKSANAAN**

3. Syarat-syarat pertukaran pelantikan Pemungut Jentik-jentik ke Pembantu Kesihatan Awam adalah seperti berikut:-

- (a) memiliki Sijil Rendah Pelajaran (SRP) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

- (b) jika tidak memiliki kelayakan seperti di perenggan 3(a) di atas hendaklah berkhidmat sekurang-kurangnya 9 tahun dalam perkhidmatan sekarang.

4. Anggota yang terlibat dalam pertukaran pelantikan ini diwajibkan mengikuti kursus peralihan mengikut giliran yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan. Kursus ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran Pemungut Jentik-jentik supaya dapat menjalankan tugas-tugas setanding dengan Pembantu Kesihatan Awam.

### **OPSYEN**

5. Pelaksanaan urusan ini dibuat melalui pemberian opsyen dan pilihan yang dibuat adalah muktamad. Anggota yang layak dalam skim perkhidmatan Pemungut Jentik-jentik diberi tempoh 30 hari dari tarikh surat tawaran untuk membuat opsyen sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini. Anggota yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat akan dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukarlantik ke skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam. Mereka akan kekal dalam skim perkhidmatan sekarang sehingga meninggalkan perkhidmatan.

6. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada anggota yang bertaraf tetap dalam skim perkhidmatan Pemungut Jentik-jentik dan telah memilih opsyen SSB. Anggota lantikan sementara/kontrak/sambilan adalah tidak terlibat dalam pemberian opsyen ini.

### **KAEDAH PELARASAN GAJI**

7. Kaedah pelarasan gaji anggota dalam skim perkhidmatan Pemungut Jentik-jentik U15, U14 ke skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U14 pada tarikh kuatkuasa tukarlantik adalah seperti berikut :-

- (a) gaji anggota diselaras ke matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 Gred U14 dalam tanggagaji jawatan baru sekiranya gaji jawatan lama adalah sama atau lebih tinggi

daripada gaji permulaan dalam jawatan baru; dan

- (b) anggota yang berada di matagaji maksimum pada tarikh kuatkuasa tukar lantik dan mendapati gaji sekarang tidak dapat ditampung oleh matagaji maksimum Peringkat 1 Gred U14 dalam skim perkhidmatan barunya, maka sifir-sifir pemindahan gaji KUP hendaklah dipohon dari Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

### **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

- 8. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi anggota yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru berikutan tarikh kuatkuasa tukarlantik.

### **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

- 9. Bagi melaksanakan urusan ini, Ketua Perkhidmatan/Jabatan dan anggota yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:-
  - (a) Pihak Berkuasa Melantik berkenaan melalui Ketua Perkhidmatan/Jabatan hendaklah mengedarkan surat tawaran opsyen kepada anggota yang terlibat. Contoh surat tawaran adalah seperti di [Lampiran A](#).
  - (b) Ketua Jabatan hendaklah memberi penjelasan secara terperinci mengenai opsyen kepada anggota yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat.
  - (c) Ketua Jabatan hendaklah menempatkan anggota yang terlibat ke jawatan Pembantu Kesihatan Awam yang kosong. Jika tiada kekosongan bagi menampung pelantikan di bawah urusan ini, Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan permohonan ke Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam bagi urusan pewujudan jawatan Pembantu Kesihatan Awam.
  - (d) Anggota yang terlibat hendaklah membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, anggota hendaklah

merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapat penjelasan selanjutnya. Sebarang opsiyen yang dibuat adalah muktamad.

- (e) Anggota hendaklah membuat pilihan dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran.
- (f) Anggota yang tidak menerima opsiyen ini akan kekal dalam jawatan Pemungut Jentik-jentik sehingga meninggalkan perkhidmatan.

#### **TARIKH KUATKUASA**

10. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2000.

#### **PEMAKAIAN**

11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan surat pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(TAN SRI DATO' SAMSDIN BIN OSMAN)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR

18 Ogos 2000

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN 'A'

(Nama Pihak Berkuasa Melantik)

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Bil. :

Tarikh :

Nama : ( nama anggota )

Alamat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Melalui Ketua Jabatan,

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Tuan/Puan:

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN DARI SKIM PERKHIDMATAN PEMUNGUT JENTIK-JENTIK DI (nama agensi hakiki) KE SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU KESIHATAN AWAM DI (nama agensi yang menerima pertukaran pelantikan anggota) MELALUI OPSYEN**

-----

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan sukacita memaklumkan bahawa tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam di (nama agensi yang menerima pertukaran pelantikan anggota) di bawah klasifikasi perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dengan gaji RM ..... Gred ..... mulai pada (tarikh kuatkuasa pertukaran pelantikan) dan syarat-syarat perkhidmatan seperti berikut:

- (a) Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran ini dan **Lampiran I**;
- (b) Jika tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini tuan/puan perlu menjawab dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat tawaran ini.

2. Tuan/puan dikehendaki menandatangani kertas opsyen seperti di **Lampiran 2** dan mengembalikannya kepada (nama pihak berkuasa melantik yang menawarkan opsyen) dalam tempoh yang dinyatakan di perenggan (b) di atas.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

-----  
(  
[ Nama Pihak Berkuasa Melantik /  
agensi yang menerima pertukaran pelantikan anggota ]

**PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN  
MELALUI OPSYEN  
(BAGI ANGGOTA TETAP SAHAJA)**

---

- |    |   |   |
|----|---|---|
| 1. | Kerajaan telah bersetuju supaya anggota dalam skim perkhidmatan Pemungut Jentik-Jentik ditukarlantik ke skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam. Tuan/puan dengan ini diberi opsyen samada bersetuju untuk ditukarlantik ke skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam ataupun kekal dalam perkhidmatan sekarang. Opsyen ini adalah <b>muktamad</b> .                | <b>OPSYEN</b>   |
| 2. | Tuan/puan diberi tempoh selama 30 hari mulai dari tarikh tawaran dikeluarkan untuk membuat pilihan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan dalam tempoh tersebut atau gagal mengembalikan kertas opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat, tuan/puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini. | <b>TEMPOH MEMBUAT OPSYEN</b>                                      |
| 3. | Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini akan ditawarkan jawatan dan gaji yang tidak kurang baiknya dengan jawatan dan gaji sekarang.   | <b>JAWATAN DAN GAJI YANG DITAWARKAN</b>                           |
| 4. | Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukarlantik. Gelaran jawatan tuan/puan jika perlu akan diubahsuaikan mengikut skim perkhidmatan tersebut.  | <b>PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BARU</b> |



5. Tuan/puan akan ditukarlantik ke skim perkhidmatan yang baru dan gaji tuan/puan di jawatan yang baru akan ditetapkan pada matagaji yang tertinggi berhampiran dengan gaji akhir yang diterima semasa berkhidmat dalam perkhidmatan sekarang. Tarikh pergerakan gaji tuan/puan akan berubah berdasarkan kepada tarikh kuatkuasa pertukaran pelantikan tuan/puan. **GAJI DAN TARIKH PERGERAKAN GAJI**
6. Jika tuan/puan telah disahkan dalam perkhidmatan sekarang, tuan/puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan dalam perkhidmatan baru yang tuan/puan ditukarlantik. Oleh itu, Ketua Jabatan tuan/puan yang baru bolehlah memperakukan kepada Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk mengesahkan tuan/puan dalam perkhidmatan baru selepas pertukaran perlantikan ini dikuatkuasakan. **ANGGOTA YANG TELAH DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Tuan/puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan sekarang akan dikehendaki melalui tempoh percubaan sekurang-kurangnya setahun dan memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Pengecualian hanya boleh diberi bagi syarat sepenuhnya atau sebahagian yang telah dipenuhi dalam perkhidmatan sekarang. **ANGGOTA YANG BELUM DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN**
8. Kekananan tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ini adalah dikira mulai tarikh tuan/puan di tukarlantik dalam perkhidmatan baru. **KEKANANAN**
9. Tuan/puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan dan belum diberi taraf berpencen semasa ditukarlantik, akan diberi opsyen pada tarikh pengesahan samada memilih skim pencen atau skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Jika tuan/puan memilih skim pencen tempoh perkhidmatan tuan/puan yang lepas boleh dimasukkan kira bagi maksud pengiraan faedah persaraan sekiranya didapati layak mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa. **PEMBERIAN TARAF BERPENCEN**

- |     |  |  |
|-----|--|--|
| 10. | Taraf berpencen yang telah diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan dikekalkan selaras dengan peruntukan Perintah Am 39 Bab A, 1973.   | <b>TARAF BERPEN-<br/>CEN<br/>DIKEKALKAN</b>        |
| 11. | Tuan/puan dibenarkan membawa baki cuti rehat tuan/puan semasa dalam perkhidmatan sekarang ke dalam perkhidmatan yang baru mengikut syarat dan peraturan yang berkuatkuasa. Pengumpulan cuti ini termasuklah bagi tujuan gantian cuti rehat. Tempoh perkhidmatan tuan/puan dalam perkhidmatan sekarang boleh diambilkira untuk menentukan jumlah cuti rehat yang tuan/puan layak dalam perkhidmatan baru. | <b>MEMBAWA BAKI<br/>CUTI REHAT</b>                 |
| 12. | Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ini boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan.  | <b>PENEMPATAN</b>                                  |
| 13. | Ketua Perkhidmatan tuan/puan ialah ketua bagi perkhidmatan yang tuan/puan ditukarantikan.  | <b>KETUA<br/>PERKHIDMATAN</b>                      |
| 14. | Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ini adalah tertakluk kepada peraturan perkhidmatan, pekeliling/surat pekeliling dan panduan serta perintah atau peraturan lain yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.   | <b>MEMATUHI<br/>PERATURAN</b>                      |
| 15. | Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ini dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, sumpah berkanun dan tapisan keselamatan dengan syarat telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam perkhidmatan sekarang.   | <b>SYARAT<br/>PELANTIKAN YANG<br/>DIKECUALIKAN</b> |
| 16. | Tuan/puan tidak berhak dan tidak boleh kembali ke perkhidmatan asal tuan/puan kerana dengan berkuatkuasanya pertukaran pelantikan ini hubungan tuan/puan dengan jawatan sekarang adalah terputus kecuali bagi tujuan pemberian kemudahan cuti, pinjaman dan faedah pencen.   | <b>HUBUNGAN DENGAN<br/>PERKHIDMATAN<br/>LAMA</b>   |
| 17. | Pertukaran pelantikan melalui pemberian opysen ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2000.   | <b>TARIKH<br/>KUATKUASA</b>                        |

BORANG OPSYEN

---

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada :  
(Nama pihak berkuasa melantik)

\_\_\_\_\_

Melalui Ketua Jabatan  
(Nama ketua agensi)

\_\_\_\_\_

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN DARI SKIM PERKHIDMATAN  
PEMUNGUT JENTIK-JENTIK DI (nama agensi hakiki) KE  
PERKHIDMATAN PEMBANTU KESIHATAN AWAM DI ( nama agensi yang  
menerima pertukaran pelantikan ) MELALUI OPSYEN**

---

Berhubung dengan surat tuan bil. ....  
bertarikh ..... mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat  
pilihan sendiri seperti berikut:-

- \* (a)  Bersetuju menerima pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Pemungut Jentik-jentik di (nama agensi hakiki) di bawah klasifikasi perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan ke skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam di (nama agensi yang menerima anggota) dengan menerima gaji sebanyak RM \_\_\_\_\_ sebulan atas gred gaji \_\_\_\_\_ dengan syarat-syarat yang dinyatakan dalam surat tawaran di **Lampiran I**;
- \* (b)  Tidak bersetuju menerima pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Pemungut Jentik-jentik di (nama agensi hakiki) ke perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam di bawah klasifikasi perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di (nama agensi yang menerima anggota) dan dengan ini bersetuju

kekal dalam perkhidmatan sekarang sehingga saya meninggalkan perkhidmatan.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran ini dan implikasi opsyen ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah muktamad.

Tandatangan : .....

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Jawatan : .....

Alamat : .....

Tarikh : .....

Di hadapan :

.....  
SAKSI\*\*  
( Tandatangan Dan Cop Jawatan )

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Jawatan : .....

Alamat : .....

Tarikh : .....

---

\* Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.  
\*\* Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.